

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 21
SURAT

Rangka kerja kawal selia CCUS kukuh, tarik pelabur tenaga bersih

Rangka kerja kawal selia CCUS kukuh, tarik pelabur tenaga bersih

Malaysia dilihat semakin berdaya saing dalam menarik pelaburan tenaga bersih apabila rangka kerja kawal selia yang kukuh dan insentif fiskal baharu bagi pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dilaksanakan.

BMI, unit di bawah Fitch Solutions, berkata Akta CCUS 2025 menyediakan liputan menyeluruh rantaian nilai penuh dengan peruntukan jelas bagi import karbon dioksid (CO₂) rentas sempadan, penubuhan badan kawal selia pusat MyCCUS serta penyelarasan proses kelulusan.

Selain itu, pakej fiskal negara turut merangkumi 100 peratus elauan cukai pelaburan selama 10 tahun, pengecualian duti serta potongan cukai yang jelas, sekali gus menyokong daya maju projek awal.

"Kami percaya Malaysia mempunyai kelebihan jangka pendek disokong rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif dan mesra pelabur," menurut BMI dalam nota penyelidikannya.

BMI turut menjelaskan bahawa Malaysia dan Indonesia kini bergerak pantas dalam mempercepatkan penggunaan teknologi CCUS.

"Strategi Malaysia menumpukan kepada penyimpanan khusus, dengan peruntukan undang-undang yang jelas bagi import CO₂ rentas sempadan serta insentif fiskal kukuh, sejajar dengan standard antara bangsa dan jangkaan pasaran terhadap ketelusan serta kestabilan," katanya.

Menjelang 2027, Malaysia dan Indonesia dijangka mula mengukur kapasiti CCUS menggunakan teknologi digital. Jumlah CO₂ yang berjaya diperangkap diramal mencapai antara 3.3 hingga 4.2 juta tan setahun (Mtpa) menjelang 2034.

BERNAMA